

Ka Ting, Kong Choy boleh pegang jawatan sehingga 22 Mei 2012

KUALALUMPUR 31 Julai — Presiden MCA, Datuk Seri Ong Ka Ting dan timbalannya Datuk Chan Kong Choy tidak boleh memegang jawatan tertinggi dalam parti itu selepas 22 Mei 2012.

Ini berikutan keputusan parti itu untuk menetapkan had maksimum jawatan presiden, timbalan presiden, ketua pemuda dan ketua wanita hanya sembilan tahun sahaja.

Keputusan menetapkan had maksimum sembilan tahun itu dicapai pada mesyuarat Jawatankuasa Pusat MCA hari ini. Usul mengenai akan dibentangkan pada Perhimpunan Agung MCA 10 Ogos depan.

Mesyuarat Jawatankuasa Pusat MCA bulan lepas mencadangkan agar had maksimum itu ditetapkan selama tiga penggal.

Ka Ting berkata, pindaan sembilan tahun berbanding cadangan tiga penggal adalah bertujuan memudahkan pengiraan sebenar tempoh seseorang pemimpin memegang jawatan berkenaan.

“Ini kerana mungkin seseorang itu akan memegang jawatannya pada pertengahan penggal dan ini menimbulkan masalah untuk menetapkan had maksimum pemimpin itu.

“Oleh itu untuk memudahkan pengiraan, kita setuju agar tempoh sembilan tahun digunakan,” katanya pada sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat itu di sini hari ini.

Secara prinsipnya, setiap penggal kepimpinan MCA bersama tiga tahun.

Ka Ting berkata, bahawa beliau dan Kong Choy tidak mempengaruhi keputusan mesyuarat dan menceraikan kepada semua ahli Jawatankuasa Pusat untuk menetapkan tempoh had maksimum itu.

Kedua-duanya mengambil alih jawatan Presiden dan Timbalan Presiden MCA daripada Liong Sik dan Datuk Seri Lim Ah Lek pada 23 Mei lepas.

Bagaimanapun, kedudukan Ketua Pemuda MCA, Datuk Ong Tee Keat dan Ketua Wanita MCA, Datuk Dr. Ng Yen Yen pula berbeza apabila mesyuarat hari ini bersetuju menetapkan tempoh mereka bermula tahun lepas.

Tee Keat dan Yen Yen mula memegang jawatan masing-masing dalam pemilihan parti pada 16 Julai 1999.

Pemilihan kepimpinan semua peringkat dalam MCA sepatutnya diadakan tahun lepas tetapi ditangguh sehingga 2005 sebagai mematuhi pelan damai yang dicadangkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.